



SIARAN MEDIA

Semakan Status Permohonan Baharu dan Rayuan Bantuan PRIHATIN Nasional (BPN) Mulai 9 Mei 2020

SIARAN MEDIA | 09 MEI 2020



SIARAN MEDIA

Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Semakan Status Permohonan Baharu dan Rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) Mulai 9 Mei 2020

Merujuk kepada Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN Rakyat bernilai RM260 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Terdahulu, Kementerian Kewangan telah pun mengumumkan bahawa tempoh permohonan baharu dan rayuan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dibuka dari 1 hingga 30 April 2020 bagi memastikan BPN sampai kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) telah pun selesai membuat semakan ke atas permohonan baharu dan rayuan ini.

Sukacita saya memaklumkan bahawa **2.3 juta permohonan baharu dan rayuan BPN telah diluluskan, melibatkan jumlah sebanyak RM1.7 bilion. Status permohonan baharu dan rayuan BPN boleh disemak mulai 9 Mei 2020** melalui pautan bpn.hasil.gov.my. Bagi mereka yang layak, **pembayaran BPN akan dibuat secara sekaligus mulai 15 Mei 2020.**

Dengan kelulusan permohonan baharu dan rayuan tersebut, **jumlah penerima BPN ialah 10.6 juta**, merangkumi **jumlah bayaran bernilai RM11 bilion** (iaitu tambahan RM1 bilion berbanding peruntukan asal RM10 bilion). Kerajaan berharap BPN ini akan memanfaatkan penerima dan meringankan beban mereka dalam tempoh yang amat mencabar ini.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan

Putrajaya

9 Mei 2020

[Bantuan Prihatin Nasional](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)